

# SEKILAS INFO

PUSAT PERANCANGAN STRATEGIK, PENGURUSAN KUALITI DAN RISIKO

EDISI 3 | MAC 2024 | BIL.74

UNIMAS  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

## SUMBANGSARAN MAJLIS DEKAN 2024

“ MEMPERKASAKAN STRATEGI DAN INISIATIF UNIMAS KE ARAH MERANGKUL KECEMERLANGAN SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI ULUNG



**Miri-** Pada 7-10 Mac 2024 telah berlangsungnya Program Sumbangsaan Majlis Dekan 2024 bertempat di Mercure Hotel, Miri dengan hampir 80 orang peserta hadir yang terdiri daripada Pengurusan Kanan Universiti, Dekan, Pengarah, Pegawai Kanan Universiti, wakil persatuan dan wakil pelajar termasuk Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Datuk Seri Panglima Sulong bin Matjeraie . Program ini merupakan program tahunan yang dianjurkan sebagai satu platform bagi membincang strategi ke arah meningkatkan visibiliti serta penjenamaan UNIMAS selari dengan hasrat untuk meletakkan UNIMAS sebagai sebuah jenama global di samping menilai semula peranan dan tanggungjawab PTj di dalam mencapai Pelan Strategik UNIMAS 2021-2025 yang telah ditetapkan sebelum ini.



Ucapan penutup Naib Canselor pada 10 Mac 2024 telah menekankan kepentingan setiap orang menerima nilai teras universiti dan seiring dengan kemajuan teknologi terkini, khususnya dalam inisiatif pendigitalan dan menyepadukan AI ke dalam penyampaian perkhidmatan.

# BENGKEL ASPIRASI BERSAMA KETUA STRATEGI FAKULTI

**Kota Samarahan-** Bengkel Aspirasi bersama Ketua Strategi Fakulti telah diadakan pada 4 Mac 2024 dan dihadiri oleh 10 Ketua Strategi Fakulti serta wakil di mana bengkel ini dianjurkan untuk memperkasakan kefahaman terhadap peranan dan tanggungjawab Ketua Strategi Fakulti bagi pemantauan dan pelaporan pelaksanaan Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS. Selain daripada itu, objektif-objektif lain adalah bagi mengenalpasti isu serta pemasalahan dalam pemantauan dan pelaporan Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS. Pihak SQRC juga turut memberi penerangan berhubung naiktaraf sistem SPeED 2.0 yang telah dibangunkan bagi pemantauan serta pelaporan Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS yang akan datang.





# MESYUARAT KERJA PEMANTAPAN KUALITI DATA SISTEM MYMOHES UNIVERSITI AWAM DAN MESYUARAT KUALITI DATA BIL. 1/2024

**Kota Samarahan-** Telah berlangsungnya Mesyuarat Kerja Pemantapan Kualiti Data Sistem MyMoheS Universiti Awam dan Mesyuarat Kualiti Data Bil.01/2024 pada 6-7 Mac 2024 bertempat di DeTAR Putra, UNIMAS yang dihadiri oleh 20 IPTA dan KPT selaku Urusetia program. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan dapatan hasil analisis bagi setiap modul yang telah dihantar dalam sistem MyMoheS dan selain itu turut dibincangkan kaedah penghantaran data pada masa hadapan yang akan menggunakan Application Programming Interface (API) sepenuhnya dalam proses pengumpulan data secara real time (masa nyata). Keputusan mengenai dapatan penarafan bintang setiap UA bagi kutipan data *cut off date* 31 Disember 2023 turut dibentangkan di dalam mesyuarat Kualiti Data Bil.1/2024 di mana UNIMAS berjaya memperoleh 4.5 penarafan bintang dengan markah keseluruhan 99.375%.



## SESI PERKONGSIAN PENDIGITALAN FUNGSI PENGURUSAN RISIKO BERSAMA UNIVERSITI MALAYA (UM)

Pusat Pengurusan Risiko, Universiti Malaya sedang dalam usaha untuk mendigitalkan proses manual pengurusan risiko yang melibatkan borang daftar risiko dan borang analisa risiko projek/aktiviti. Selaras dengan itu, UM telah memilih SQRC, UNIMAS sebagai salah sebuah Universiti yang telah mempunyai sistem pengurusan risiko untuk dijadikan rujukan dan penanda aras dalam pembangunan sistem tersebut. Sesi Perkongsian Proses Pendigitalan Fungsi Pengurusan Risiko Bersama pihak SQRC, UNIMAS secara atas talian telah diadakan pada 13 Mac 2024 bagi membincangkan manfaat dan kelebihan penggunaan sistem digital pengurusan risiko.



## SESI PEMBENTANGAN ANALYTIC HIERARCHY PROCESS (AHP)



**Kota Samarahan-** Satu sesi pembentangan berhubung *Analytic Hierarchy Process (AHP)* telah diadakan pada 27 Mac 2024. Sesi ini dimulai dengan pembentangan oleh Timbalan Pengarah SQRC, Prof Madya Dr Lee Nung Kion yang berpengalaman di dalam data analitik. Proses AHP ini penting untuk dipelajari dan difahami untuk pembuatan sesuatu keputusan dengan memilih alternatif yang terbaik.

HAPPY BIRTHDAY  
MARCH!!!

## PROGRAM SQRC MAC 2024



Bil	Perkara	Tarikh
1.	Majlis Hi-Tea & Sambutan Hari Jadi Feb-Mac SQRC	2 Mac 2024
2.	Program Aspirasi Bersama Ketua Strategi	4 Mac 2024
3.	Mesyuarat Kerja Pemantapan Kualiti Data Sistem MyMoheS Universiti Awam dan Mesyuarat Kualiti Data Bil.01/2024	6-7 Mac 2024
4.	Sumbang-saran Majlis Dekan 2024	7-10 Mac 2024
5.	Sesi Perkongsian Pendigitalan Fungsi Pengurusan Risiko bersama Universiti Malaya (UM)	13 Mac 2024
6.	Mesyuarat Pelaksanaan Pelan Tindakan Landasan Hala Tuju Pendidikan Tinggi 2024	25 Mac 2024
7.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Prestasi Program (PPMC) bagi Penediaan Bajet Berasaskan Outcome (OBB) Universiti Awam Tahun 2025	26 Mac 2024
8.	Sesi Perbincangan berhubung <i>Analytic Hierarchy Process</i> (AHP)	27 Mac 2024

## HI-TEA SQRC 2024



## PENGURUSAN & PENTADBIRAN

**Pengarah**, Prof Gs Dr Tarmiji Masron | **Timbalan Pengarah**, Prof Madya Dr Lee Nung Kion | **Penolong Pendaftar Kanan**, Puan Dayang Mazina Awang Batu & Puan Dayang Zuliana Abang Abd Rahman | **Penolong Pegawai Tadbir Kanan**, Puan Adeline Ann Lubi | **Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan**, Encik Mohd Hairulnizam Mohd Zamri | **Setiausaha Pejabat**, Puan Nur Aishah Jori | **Pembantu Tadbir Kanan**, Puan Norisa Mohamad Sahari | **Pembantu Tadbir**, Cik Siti Afizah Jamil & Encik Mohd Hafizuddin Sulaiman | **Pembantu Operasi**, Encik Rozaimi Anis

eISSN 2948-5088